

4 kontrak pakej kerja MRT RM4.2 bilion

Kuala Lumpur: Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) mengumumkan penanugerahan empat kontrak pakej kerja bagi pembinaan MRT Laluan MRT Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya (SSP) bernilai RM4.2 bilion.

Ketua Pegawai Eksekutifnya Datuk Seri Shahril Mokhtar berkata, dengan penganugerahan pakej kerja terkini itu, pembangunan Laluan SSP Line akan dapat dilaksanakan sepenuhnya.

“Sebelum ini, kami menyaksikan banyak kerja sivil kami dianugerahkan. Kami kini bergerak ke peringkat kami menganugerahkan Pakej Kerja Sistem. Ini kema-

juan yang amat baik bagi Laluan SSP,” katanya dalam kenyataan, di sini, semalam.

Malaysian Resources Corporation Bhd (MRCB) dan IJM Construction Sdn Bhd antara syarikat yang dianugerahkan sebahagian daripada kontrak pakej berkenaan. Satu lagi penerima, HAP Consortium memperoleh Pakej Kerja Sistem SY203 bernilai RM1.62 bilion bagi kejuruteraan, perolehan, pembinaan, ujian dan pengoperasian kereta api elektrik serta peralatan depot bagi Laluan SSP.

HAP Consortium terdiri daripada Hyundai Rotem Company, Korea Selatan, Apex Communications Sdn

Bhd dan POSCO Engineering Co Ltd, Korea Selatan.

Pakej kerja sistem kedua adalah Pakej SY201 bernilai RM458.02 juta untuk kejuruteraan, perolehan, pembinaan, ujian dan pengoperasian isyarat dan sistem kawalan kereta api bagi Laluan SSP dianugerahkan kepada sebuah konsortium, terdiri daripada Bombardier (Malaysia) Sdn Bhd dan Global Rail Sdn Bhd.

Bombardier adalah kontraktor pakej kerja untuk isyarat dan sistem kawalan kereta api bagi Laluan MRT Sungai Buloh-Kajang.

Bagi pakej kerja bertingkat, Pakej Kerja V203 bernilai RM1.47 bilion bagi

pembinaan 4.6 kilometer (km) jejambat dan kerja berkaitan lain dari Jinjang ke Jalan Ipoh North Portal dianugerahkan kepada IJM Construction Sdn Bhd.

MRCB memperoleh Pakej Kerja V210 bagi pembinaan dan penyiapan 2.6 km jejambat dan kerja-kerja berkaitan lain dari Persiaran APEC, Cyberjaya ke Putrajaya Sentral bernilai RM648 juta.

Penganugerahan itu, yang terdiri daripada dua pakej kerja jejambat dan dua pakej kerja sistem dibuat susulan Mesyuarat Jawatankuasa Perolehan Sehenti (OSPC) yang dipengerusikan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak.